



KPT, UUM bekerjasama wujudkan program celik digital untuk peniaga

Oleh Izz Laily Hussein - September 2, 2023 @ 10:35am

bhnews@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan bekerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) menyediakan program celik digital ditawarkan kepada peniaga dalam sesebuah komuniti.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, menerusi usaha sama itu, universiti terbabit akan menyediakan latihan bersesuaian di Kolej Komuniti.

Beliau berkata, program celik digital itu diwujudkan bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang bukan sahaja mahir dalam perniagaan malah pendigitalan.

"Kita mahu komuniti setempat dibekalkan dengan kemahiran perniagaan sebagai nilai tambah kepada kemahiran sedia ada. Ia terbuka kepada mana-mana individu tanpa mengira had usia.

"Sesiapa sahaja yang belum bekerja, dan mahu menambah kemahiran diri, Kolej Komunitilah tempatnya. Malah, kepada sesiapa sahaja yang tidak pernah mempunyai apa-apa kelayakan, namun ingin mempunyai sijil pertama, maka Kolej Komunitilah tempatnya," katanya selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti Negeri Johor di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Dr Mohd Zahari Ismail.

Sementara itu, Mohamed Khaled turut memaklumkan sebanyak RM20,000 akan diperuntukkan kepada setiap Kolej Komuniti bagi menjalankan pelbagai program membabitkan kerjasama institusi itu dengan masyarakat setempat.

Katanya, ia bagi membantu setiap Kolej Komuniti memperkasakan program yang ditawarkan di setiap institusi berkenaan.